

DBKL sita peralatan dijadikan 'cop parkir'

KUALA LUMPUR - Kon, tayar terpakai, tong cat serta pelbagai peralatan lain digunakan untuk 'cop parkir' di sekitar Jinjang Utara dan Kepong akhirnya disita Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

DBKL memaklumkan, semua peralatan itu digunakan sebagai halangan oleh segelintir pemilik kenderaan dengan niat menguasai atau memonopoli petak parkir.

"Jabatan Penguatkuasaan DBKL bersama Pejabat Cawangan Batu melaksanakan tindakan khas terhadap halangan petak parkir pada 30 Disember lalu.

"Pelbagai barang dijadikan halangan pada petak parkir disita serta-merta mengikut Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974," katanya dalam satu hantaran di Facebook rasminya pada Selasa.

Berikutan itu, barang sita dibawa ke stor sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras untuk findakan rekod dan dokumentasi.

"DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari semasa ke semasa di lokasi tumpuan dikenal pasti," katanya.